



HRD Corp Ikrar Perangi Rasuah

PUTRAJAYA, 18 April 2025 - Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dalam komitmen berterusannya untuk menjunjung tinggi integriti dan tadbir urus yang baik, telah mengadakan **Majlis Tatakelola Cemerlang dan Ikrar Bebas Rasuah (IBR)** hari ini di Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), di sini.

Majlis tersebut menandakan satu pendirian tegas sifar toleransi HRD Corp terhadap rasuah dan dedikasinya untuk memperkukuh budaya kerja yang telus, bertanggungjawab dan beretika.

Lafaz Ikrar Bebas Rasuah tersebut telah diketuai oleh Pengerusi HRD Corp Datuk Abu Huraيرا Abu Yazid, dengan disertai Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp, Jawatankuasa Kepimpinan Kanan serta wakil-wakil jabatan. Majlis tersebut telah menghimpunkan lebih 100 peserta sebagai tanda komitmen tinggi dalam kalangan warga HRD Corp untuk meningkatkan amalan tadbir urus, mencegah penyalahgunaan kuasa dan salah laku, serta memastikan pematuhan penuh terhadap seruan kerajaan.

Upacara yang berlangsung di Dewan Serbaguna KESUMA ini telah disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki. Upacara ini menandakan satu lagi langkah proaktif oleh HRD Corp dalam memperjuangkan tadbir urus yang kukuh dalam memerangi amalan salah laku terutama sekali yang berkaitan dengan risiko rasuah.

Dalam ucapannya, Datuk Abu Huraيرا menekankan pentingnya membina budaya kerja berintegriti tinggi melalui kepimpinan berinstitusi dengan penuh tanggungjawab.

“HRD Corp akan terus memperkukuh sistem yang menyokong ketelusan dan akauntabiliti di semua peringkat. Kami juga berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang bukan sahaja menggalakkan integriti tetapi juga menginstitusikannya sebagai nilai teras dalam organisasi kami,” katanya.

Turut berlangsung dalam majlis tersebut adalah penyerahan **Buku Panduan Integriti HRD Corp** kepada Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki, yang diterbitkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Buku panduan ini akan diedarkan kepada warga HRD Corp sebagai sebahagian daripada usaha berterusan organisasi

UNTUK SIARAN SEGERA

untuk menanamkan nilai-nilai etika dan memperkukuh perjuangan HRD Corp dalam memerangi rasuah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://hrdcorp.gov.my/>

-Tamat-

Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kemudiannya diperbadankan sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui penggabulan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Penjenamaan semula HRD Corp pada 2021 merupakan cerminan tanggungjawab, hala tuju dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuklah memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh majikan untuk para pekerja ke arah produktiviti yang lebih mapan.

Pembaharuan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada setiap individu warga Malaysia, malah turut memperkasakan komuniti yang memerlukan melalui peluang penjana pendapatan yang lebih inklusif.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi: